- Anda akan menerima amaun untuk menampung perbelanjaan harian anda apabila anda didiagnosis dengan salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal<sup>2</sup>. Amaun ini adalah pendahuluan daripada jumlah perlindungan asas anda.

Nota:

<sup>1</sup>Rider pilihan.

<sup>2</sup>10% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar kepada orang yang dilindungi yang menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama buat kali pertama.

## Memaksimakan Pelaburan Anda

### 1. Rider Takaful Smart Link Tambah Nilai Simpanan Berkala

- 95% daripada sumbangan rider anda akan dilaburkan ke dalam mana-mana dana pilihan anda, untuk meningkatkan simpanan anda.
- Semua dana telah melebihi penanda aras masing-masing dalam tempoh 1 dan 3 tahun dan diuruskan oleh Etiqa Family Takaful Berhad\*.

\*Etiqa Family Takaful Berhad telah menduduki tempat pertama di dalam Asian Local Currency Bonds bagi tahun 2017 oleh The Asset Benchmark Research.

### **Akses kepada manfaat pelan tidak terganggu sekiranya anda tidak mampu membayar akibat kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau Penyakit Kritikal.**

#### 1. Rider Takaful Smart Link Pengecualian Sumbangan Bagi Penyakit Kritikal

- Pembayaran sumbangan akan dikecualikan jika anda disahkan menghidap salah satu daripada 35 Penyakit Kritikal<sup>3</sup>.

#### 2. Rider Takaful Smart Link Pengecualian Sumbangan Pembayar Bagi Kematian, HUMK Dan Penyakit Kritikal<sup>3</sup>

- Pembayaran sumbangan akan dikecualikan bagi pelan pasangan anda sekiranya berlaku kematian kepada anda, anda mengalami HUMK atau disahkan menghidap salah satu daripada 35 Penyakit Kritikal<sup>3</sup>.

#### 3. Rider Takaful Smart Link Pengecualian Sumbangan Pembayar Bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal Dan Penyakit Kritikal (Juvana)

- Pembayaran sumbangan akan dikecualikan bagi pelan anak-anak anda sekiranya berlaku kematian kepada anda, anda mengalami HUMK atau disahkan menghidap salah satu daripada 35 Penyakit Kritikal<sup>3</sup>.

Nota:

<sup>3</sup>Ini tidak termasuk angioplasti dan rawatan invasif yang lain. Pengecualian Sumbangan tertakluk kepada syarat-syarat.

Anda mempunyai fleksibiliti untuk menambah manfaat pilihan ini apabila anda mendaftar atau pada tarikh ulang tahun sijil. Tempoh jangka masa manfaat ini adalah mengikut tempoh perlindungan takaful anda, dengan sedikit perbezaan pada tempoh perlindungan untuk sijil anak-anak.

Nota:

Untuk maklumat lanjut mengenai rider, sila rujuk kepada petanda label rider tersebut.



## Kepelbagaian peluang pelaburan

Takaful Smart Link menawarkan anda pelbagai dana pelaburan yang patuh Syariah untuk disesuaikan dengan objektif pelaburan anda.

Anda boleh memilih untuk melabur 100% di dalam 1 dana pelaburan atau memperuntukkan pelaburan anda ke dalam beberapa dana yang lain, tertakluk kepada minimum 10% dalam setiap dana. Jumlah peruntukan antara dana-dana pelaburan tersebut mestilah berjumlah 100%.

<b>Nama Dana</b>	<b>Butiran Dana</b>	<b>Caj Pengurusan Dana (% Nilai Aset Bersih)</b>
Dana Syariah Seimbang	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 15% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan sekurang-kurangnya 25% dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah, dan apa-apa baki dana akan dilaburkan dalam tunai dan simpanan tetap. Campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, tunai dan simpanan tetap ditentukan berdasarkan jangkaan pengurus dana terhadap pulangan setiap kelas aset. Jangkaan ini adalah berdasarkan analisis ekonomi, kadar faedah, dan turun naik dalam pasaran ekuiti. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan kepada analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Sekuriti pendapatan tetap, dengan penarafan kredit purata keseluruhan A tunggal atau lebih baik, dipilih berdasarkan jangkamasa belum tamat untuk sekuriti individu tersebut, dan pandangan terhadap pergerakan kadar faedah. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.	1.20 setahun

Nama Dana	Butiran Dana	Caj Pengurusan Dana (% Nilai Aset Bersih)
Dana Pendapatan Prima Takaful	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% daripada dana dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah dan apa-apa baki dana dalam tunai dan simpanan tetap. Sekuriti pendapatan tetap, dengan penarafan kredit purata keseluruhan sebagai A tunggal atau lebih baik, dipilih berdasarkan jangkamasa belum tamat sekuriti individu tersebut, dan pandangan terhadap pergerakan kadar faedah. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.	1.00 setahun
Dana Ekuiti Prima Takaful	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan apa-apa baki dana dalam tunai dan simpanan tetap. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.	1.50 setahun

Nota:

Untuk maklumat lanjut mengenai dana, sila rujuk kepada Helaian Fakta Dana masing-masing.

Untuk maklumat mengenai harga unit dana, layari [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my).

Selain daripada dana-dana di atas, anda akan berpeluang melabur di dalam mana-mana dana pelaburan baru yang patuh Syariah pada masa hadapan.

Anda boleh menukar dana pada bila-bila masa mengikut kehendak anda, di mana anda boleh membuat 6 pertukaran secara percuma setiap tahun sijil. Jika anda ingin membuat pertukaran lebih daripada itu di dalam tempoh tahun sijil yang sama, anda akan dikenakan bayaran sebanyak RM26.50 (termasuk 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi setiap penukaran melalui pembatalan unit-unit dari akaun anda. Pertukaran percuma yang tidak diamalkan tidak dibenarkan untuk dibawa ke hadapan pada tahun-tahun sijil yang berikutnya.

## Pilihan tambah nilai

Maksimumkan potensi pelaburan anda dengan membuat penambahan deposit sumbangan menerusi kemudahan tambah nilai pelaburan. Anda mempunyai fleksibiliti untuk menambah nilai pelaburan sekaligus, pada bila-bila masa, ataupun memohon bayaran ansuran secara tetap yang boleh dibuat pada ulang tahun sijil. Dengan Rider Takaful Smart Link Tambah Nilai Simpanan Berkala, 95% daripada sumbangan rider akan dilaburkan ke dalam dana-dana pilihan anda demi meningkatkan simpanan anda.

## Pilihan pengeluaran

Anda juga boleh membuat pengeluaran separa pada bila-bila masa, selagi pengeluaran tersebut tidak mengurangkan nilai akaun di bawah RM1,000. Jumlah pengeluaran minimum ialah sebanyak RM500. Ada kemungkinannya sijil anda akan ditamatkan lebih awal dari sepatutnya disebabkan kehabisan unit-unit setelah melakukan pengeluaran separa.

## Manfaat-manfaat di bawah Takaful Smart Link

Dengan perlindungan takaful ini, orang yang anda sayangi akan menerima bayaran sekaligus sekiranya anda meninggal dunia. Jumlah ini merangkumi nilai akaun dan jumlah asas dilindungi, setelah ditolak dengan sebarang bayaran yang telah dibuat di bawah manfaat HUMK atau Penyakit Kritikal berkurang.

Sekiranya anda mengalami HUMK, jumlah yang akan dibayar merangkumi nilai akaun dan jumlah asas dilindungi, setelah ditolak sebarang bayaran yang telah dibuat di bawah manfaat Penyakit Kritikal. Manfaat tersebut akan dibayar selepas 6 bulan berturut-turut anda mengalami keadaan hilang upaya dan kaedah pembayaran adalah bergantung kepada jumlah nilai yang akan dibayar.

Jika anda meninggal dunia atau mengalami HUMK, orang yang anda sayangi akan menerima tambahan RM3,000 sebagai Manfaat Ihsan. Ianya boleh digunakan untuk menampung keperluan harian keluarga anda atau menguruskan perbelanjaan pengebumian atau Badal Haji. Badal Haji adalah perlaksanaan Haji bagi pihak seseorang yang beragama Islam setelah berlaku kematian atau HUMK kepada beliau.

Anda layak untuk menerima Bonus Kesetiaan, yang dibayar di dalam bentuk Hibah Bersyarat, dengan hanya membayar sumbangan anda tepat pada masanya dan memastikan sijil anda sentiasa berkuatkuasa. Kami akan membuat bayaran kepada nilai akaun tersebut sebanyak 6% daripada nilai akaun tersebut atau 3% daripada sumbangan tahunan asal (tidak termasuk sumbangan Rider Takaful Smart Link Tambah Nilai Simpanan Berkala) pada penghujung tahun sijil ke-5, ke-10 dan ke-15, yang mana lebih rendah.

Anda akan menikmati manfaat Matang, iaitu jumlah nilai akaun jika ada, apabila perlindungan takaful anda tamat pada tarikh ulangtahun sijil sebelum hari lahir anda yang ke-88.

Sekiranya anda membuat keputusan untuk menamatkan sijil takaful anda sebelum berakhirnya tempoh perlindungan takaful tersebut, anda akan menerima nilai akaun sekaligus berdasarkan dana pelaburan yang anda pilih.

## Pelan yang patuh Syariah

### Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah, di mana anda, sebagai peserta melantik kami untuk melaburkan sumbangan anda dan menguruskan pelan ini. Fi Wakalah akan ditolak daripada sumbangan anda dan caj-caj lain daripada Dana Pelaburan Peserta (DPP) bagi tujuan tersebut.

Peratusan untuk Fi Wakalah adalah bergantung kepada tahun sijil, seperti jadual di bawah:

Tahun Sijil	Fi Wakalah (% daripada sumbangan)	Kadar Sumbangan Yang Diperuntukkan (% daripada sumbangan)
1	60	40
2	35	65
3	25	75
4	20	80
5	10	90
6	4	96
7 dan berikutnya	0	100

Caj-caj tersebut adalah untuk memenuhi perbelanjaan operasi syarikat termasuk komisen untuk saluran pengagihan Bankatakaful.

Fi Wakalah dan kadar sumbangan yang diperuntukkan untuk sumbangan tambah nilai dan Rider Takaful Smart Link Tambah Nilai Simpanan Berkala adalah tetap untuk kesemua tahun seperti tertera pada jadual di bawah:

<b>Fi Wakalah (% daripada sumbangan)</b>	<b>Kadar Sumbangan Diperuntukkan (% daripada sumbangan)</b>
5	95

Caj pengurusan sebanyak RM6.36 (termasuk 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebulan akan ditolak pada permulaan setiap bulan sijil dari nilai akaun anda.

### **Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' di mana anda, sebagai peserta, bersetuju menderma atau menyumbang sebahagian dari DPP individu anda secara bayaran caj bulanan. Caj bulanan untuk semua peserta akan dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) yang terkumpul untuk tujuan membantu dan menolong sesama orang yang dilindungi di saat-saat yang memerlukan. Di akhir setiap tahun kewangan, pengagihan adalah tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. Sebarang lebihan pengunderaitan, jika ada, akan dibayar 50% kepada kami sebagai fi prestasi kerana mengendalikan dan menguruskan dana, dan baki 50% lagi dikongsi sesama peserta yang sijil belum ditamatkan dan mereka yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahunan kewangan tersebut.

### **Kelayakan**

Anda layak untuk menyertai pelan ini sekiranya anda berumur di antara 18 tahun hingga 65 tahun.

Anak-anak anda harus berumur sekurang-kurangnya 14 hari. Sijil tersebut boleh dipindahkan kepada mereka dengan kebenaran anda apabila mereka mencecah usia 16 tahun. Anda seharusnya berusia sekurang-kurangnya 18 tahun sebagai pembayar.

Walau bagaimanapun, kesemua permohonan adalah tertakluk kepada penilaian terhadap kesihatan anda dan soalan-soalan lain yang perlu kami tahu sebelum anda boleh mendaftar untuk pelan ini.

### **Sumbangan**

Sumbangan tahunan minimum ialah RM2,400. Anda boleh memilih untuk menyumbang secara bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan.

**Medic-Plus**  
**Jadual Manfaat**

	Jenis Pelan				
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada Had				
Had Tahunan Keseluruhan	RM100,000	RM200,000	RM500,000	RM1,000,000	RM1,500,000
Manfaat-manfaat Pesakit Dalam					
Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (had RM harian)	RM150	RM200	RM300	RM400	RM500
Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (had bilangan hari tahunan)	Tiada Had				
Caj Unit Rawatan Rapi (Tiada had hari tahunan)	Seperti yang Dikenakan				
Fi Pembedahan					
Fi Pakar Bius					
Fi Bilik Bedah					
Caj Bekalan & Perkhidmatan Hospital					
Caj Lawatan Pakar Perubatan / Pakar Dalam Hospital (had 2 lawatan harian)					
Manfaat Penjagaan Harian (had RM harian)	RM150				
Manfaat Penjagaan Harian (had bilangan hari tahunan)	120 hari				
Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (had RM harian)	RM200				
Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (had bilangan hari tahunan)	Tiada Had				
Fi Laporan Perubatan (had RM setiap Penghospitalan)	RM100				

### Manfaat-manfaat Pesakit Luar

Caj Ujian Diagnostik sebelum Penghospitalan atau Fi Rundingan Pakar (dalam 60 hari sebelum Penghospitalan)	Seperti yang Dikenakan
Caj Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam 90 hari selepas discaj)	Seperti yang Dikenakan
Caj Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (had RM tahunan, dalam 90 hari selepas discaj atau pembedahan)	RM1,000
Caj Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (had RM setiap kemalangan)	
Caj Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (had RM setiap kemalangan)	Seperti yang Dikenakan
Fi Ambulans	
Caj Penjagaan Kejururawatan di Rumah (had RM harian)	RM100
Caj Penjagaan Kejururawatan di Rumah (had bilangan hari tahunan)	60 hari
Fi Pembedahan Balik Hari	Seperti yang Dikenakan
Fi Rawatan Kecemasan Sakit Pesakit Luar di antara jam 9.00 p.m. ke 10.00 a.m. (had setiap keadaan perubatan)	RM100

## Kanser, Dialisis dan Pemindahan Organ

Caj Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar

Caj Rawatan Kanser Pesakit Luar

Caj Pemindahan Organ (terhad kepada satu(1) Pemindahan Organ setiap Sijil)

Seperti yang Dikenakan

## Manfaat-manfaat Lain

Caj Pengamal Perubatan Alternatif (had RM tahunan, dalam 90 hari selepas discaj)

RM200

Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas Manfaat Perubatan yang Dilindungi

Seperti yang Dikenakan

## Pilihan Deduktibel Perlindungan Sendiri

Jumlah Deduktibel Perlindungan Sendiri (had RM tahunan)

Anda boleh memilih jumlah Tanpa Deduktibel atau jumlah Deduktibel seperti tertera:

Pilihan 1 RM20,000

Pilihan 2 RM40,000

Pilihan 3 RM60,000

### Definisi

- Had Tahunan Keseluruhan merupakan jumlah manfaat yang akan dibayar di dalam tahun sijil.
- Had Sepanjang Hayat Keseluruhan merupakan jumlah manfaat yang akan dibayar untuk tempoh sepanjang hayat.

### Nota Penting:

#### Kelayakan

Untuk diri anda sendiri atau pasangan anda, kelayakan umur adalah di antara 18 hingga 65 tahun.

Anak-anak pula mesti berumur sekurang-kurangnya 14 hari.



## Rider Takaful Smart Link Penyakit Kritikal Berkurang

Anda akan menerima satu jumlah tertentu untuk menampung perbelanjaan harian apabila anda disahkan menghidap salah satu daripada 36 jenis Penyakit Kritikal tersebut. Jumlah ini adalah merupakan pendahuluan kepada jumlah dilindungi anda.

36 jenis Penyakit Kritikal adalah:

01. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
02. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari<sup>4</sup>
03. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
04. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
05. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
06. Pembedahan Otak
07. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
08. Kardiomiopati – keterukan tertentu
09. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan kegagalan Kekal Sumsum Tulang
10. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
13. Ensafalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir
15. Penyakit Paru Paru Tahap Akhir
16. Hepatitis Viral Fulminan
17. Serangan Jantung – keterukan tertentu
18. Pembedahan Injap Jantung
19. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
20. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan disalisis atau transplan buah pinggang
21. Hilang Keupayaan Bertutur
22. Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
23. Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang
24. Penyakit Sistik Medular
25. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan symptom klinikal berterusan
26. Sklerosis Multipel
27. Distrofi Otot
28. Kelumpuhan Anggota
29. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk Aktiviti Harian
30. Hipertasi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
31. Penyakit Arteri Koronaro Serius
32. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan deficit neurologi kekal dengan symptom-simptom klinikal berterusan
33. Pembedahan Aorta
34. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
35. Penyakit Terminal (Membawa Maut)
36. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

Nota:

<sup>4</sup>Bagi Angioplasti atau rawatan pembedahan lain untuk penyakit arteri koronari utama, hanya 10% daripada jumlah manfaat perlindungan Rider tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM25,000 akan dibayar kepada anda. Baki jumlah dilindungi akan dibayar sekiranya anda disahkan menghidap salah satu daripada 35 Penyakit Kritikal yang lain.

## Kelayakan

Untuk diri anda sendiri atau pasangan anda, kelayakan umur adalah di antara 18 tahun sehingga 65 tahun. Anak-anak pula mesti berumur sekurang-sekurangnya 30 hari.

## Pengecualian Sumbangan Takaful Smart Link

Anda tidak perlu membayar sumbangan masa hadapan sekiranya anda memilih salah 1 daripada 3 pengecualian sumbangan, sekiranya disahkan menghidap Penyakit Kritikal, berlaku Kematian atau HUMK.

Kami mensyorkan anda untuk menyertakan pengecualian berikut apabila anda mendaftar untuk:

Diri Sendiri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sertakan Rider Takaful Smart Link Pengecualian Bagi Penyakit Kritikal.</li><li>• Sumbangan akan dikecualikan sehingga matang.</li></ul>
Pasangan Anda	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sertakan Rider Takaful Smart Link Pengecualian Pembayar Bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh &amp; Kekal Dan Penyakit Kritikal.</li><li>• Sumbangan akan dikecualikan sehingga matang, sekiranya berlaku sesuatu yang dilindungi kepada anda.</li></ul>
Anak-anak Anda	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sertakan Rider Takaful Smart Link Pengecualian Pembayar Bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh &amp; Kekal Dan Penyakit Kritikal (Juvana)</li><li>• Tempoh perlindungan adalah sehingga ulang tahun sijil selepas anak anda menyambut hari lahir ke 24 atau apabila ulang tahun sijil selepas anda menyambut hari lahir ke 87, yang mana lebih awal.</li><li>• Sekiranya berlaku sesuatu yang dilindungi kepada anda, rider ini akan mengecualikan sumbangan sehingga ulang tahun sijil selepas anak anda mencapai umur 24 tahun.</li></ul>

## Nota Penting:

Jika anda telah memilih rider Pengecualian Sumbangan dan berlaku keadaan yang melayakkan sijil ini untuk pengecualian menurut manfaat-manfaat di dalam rider tersebut, sijil anda mungkin luput jika nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang dikenakan. Sekiranya dalam keadaan demikian, sumbangan tambah nilai diperlukan untuk mengekalkan sijil anda.

## Kelayakan

Untuk diri anda sendiri atau pasangan anda, kelayakan umur adalah di antara 18 hingga 65 tahun.

Anak-anak pula mesti berumur sekurang-kurangnya 14 hari.

## Pengecualian Utama

Untuk memastikan manfaat sentiasa mampu dimiliki, tiada amaun manfaat akan dibayar atas sebab-sebab berikut:

Sebab	Manfaat Kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	Manfaat Penyakit Kritikal Berkurang	Manfaat Pengecualian Sumbangan bagi Penyakit Kritikal	Manfaat Pengecualian Sumbangan Pembayar Bagi Kematian, HUMK dan Penyakit Kritikal	Manfaat Perubatan
Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari pengeluaran pelan	x					
Percubaan bunuh diri		x	x	x	x	x
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan atau kekacauan umum		x	x	x	x	x
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil		x	x	x	x	x
Pengambilan alkohol atau dadah		x	x	x	x	x
Provokasi keganasan fizikal		x	x	x	x	x
Penyedutan racun, gas atau wasap		x	x	x	x	x
Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, kegagalan untuk mematuhi nasihat perubatan, atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan rawatan perubatan		x	x	x	x	x
Penyakit Kritikal dan kos perubatan yang dikenakan akibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• keadaan yang sedia ada sebelum tarikh pengeluaran atau pengembalian semula sijil, atau</li> <li>• jangkitan HIV kecuali akibat pemindahan darah, atau</li> <li>• penyakit kelamin</li> </ul>		x	x	x	x	x

Sebab	Manfaat Kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Keka	Manfaat Penyakit Kritikal Berkurang	Manfaat Pengecualian Sumbangan bagi Penyakit Kritikal	Manfaat Pengecualian Sumbangan Pembayar Bagi Kematian, HUMK dan Penyakit Kritikal	Manfaat Perubatan
Keadaan perubatan yang telah wujud sebelum pengeluaran sijil termasuk keturunan atau kongenital						x
Keadaan perubatan yang berlaku dalam 30 hari pertama selepas pengeluaran atau pengembalian semula sijil						x
Keadaan perubatan tertentu dalam 120 hari pertama selepas pengeluaran atau pengembalian semula sijil						x
Apa-apa rawatan yang tidak munasabah, tidak diperlukan secara perubatan, kosmetik, pendiagnosan (kecuali membawa kepada penghospitalan atau pembedahan), eksperimental atau pencegahan						x
Apa-apa rawatan berkaitan tidur, mata atau gigi, (kecuali yang melibatkan kemalangan yang memerlukan rawatan di hospital)						x
Caj-caj ubat menerusi kaunter, prostetik, kebersihan, kehamilan, kemandulan, penugasan semula jantina, pencegah kehamilan, pensterilan, penyunatan, pendermaan organ & tisu, atau rehat pulih						x
Keadaan psikotik, mental atau berkenaan sistem saraf						x

Nota:

1. Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika siuman:

- Dalam masa 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terbaru sijil ini, Kami akan membayar jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.
- Selepas 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terbaru sijil ini, Kami akan membayar 60% daripada jumlah asas yang dilindungi dan jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.

2. Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak siuman, Kami akan membayar jumlah asas yang dilindungi sepenuhnya dan jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.

## Untuk Perhatian Anda

- 1. Pelan ini adalah pelan takaful yang berkait kepada prestasi aset-aset dasar, dan bukan merupakan produk pelaburan sepenuhnya seperti unit amanah atau deposit tetap.**
2. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
3. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma dan syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen.
4. Sila minta ilustrasi pemasaran daripada Wakil Jualan Maybank anda sebelum menyertai pelan ini. Ilustrasi pemasaran mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma dan syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi pemasaran untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda. Sila ambil perhatian bahawa kesemua caj untuk manfaat-manfaat pilihan (rider-rider), Tabarru' akan ditolak daripada unit-unit dana yang akan mengurangkan dana takaful berkaitan pelaburan. Anda juga perlu mengambil kira yuran dan caj yang terlibat.
5. Bertukar dari satu rider kesihatan kepada yang lain akan merugikan anda kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh tangguh yang sepenuhnya, dan sebarang tempoh berkenaan daengan pengecualian penyakit yang ditetapkan dan keadaan sedia ada bagi sijil baru tersebut.
6. Sekiranya permohonan anda terhadap pelan ini diluluskan oleh kami, sijil takaful akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca sijil takaful untuk terma dan syarat penuh pelan ini. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari selepas tarikh penerimaan sijil takaful dan kami akan membayar balik nilai unit-unit iaitu sebarang sumbangan yang dilaburkan dan sebarang caj-caj yang ditolak, setelah ditolak kos pemeriksaan perubatan jika ada, yang ditanggung semasa membuat permohonan pelan ini.
7. Sila bayar sumbangan dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan tersebut perlu dibayar. Sumbangan yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan mengikut kekerapan pembayaran yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful. Kegagalan membayar sumbangan akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini. Tempoh perlindungan takaful juga tertakluk kepada nilai akaun yang mencukupi untuk mengekalkan sijil takaful.

8. Menyertai pelan takaful berkaitan pelaburan memerlukan komitmen jangka panjang kerana adalah tidak digalakkan untuk memegang sijil buat tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi. Jika anda membuat serahan pada tahun-tahun terawal, anda mungkin akan mendapat balik amaun yang kurang daripada amaun yang telah anda sumbangkan.
9. Pulangan daripada pelaburan anda adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dana dan adalah TIDAK DIJAMIN. Risiko pelaburan di bawah sijil takaful akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan nilai akaun berkemungkinan akan kurang daripada jumlah sumbangan yang telah disumbangkan kepada dana pelaburan.
10. Kami mempunyai hak untuk meminda kadar, fi, caj-caj, manfaat, terma dan syarat di bawah sijil ini. Notis 3 bulan akan diberikan terlebih dahulu sebelum pindaan tersebut berkuat-kuasa kecuali manfaat perubatan di mana notis 30 hari sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa akan diberi dan ianya akan terpakai pada tarikh ulang tahun sijil yang berikutnya. Kadar sumbangan boleh meningkat disebabkan perubahan undang-undang atau peraturan, termasuk percukaian, atau faktor-faktor lain yang tidak dijangka dan bersifat kekal. Faktor-faktor ini termasuk pengalaman tuntutan contohnya disebabkan oleh inflasi kos perubatan.
11. Semua caj Tabarru', sumbangan dan caj-caj lain akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan, dan anda mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
12. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful berkaitan pelaburan, atau takaful keluarga dan takaful perubatan and kesihatan, sila rujuk kepada risalah insuranceinfo tentang 'Takaful Berkaitan Pelaburan', 'Takaful Keluarga' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada Wakil Jualan Maybank atau kunjungi [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi mana-mana cawangan Maybank atau layari **[www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Family Takaful Berhad (266243-D), dahulu dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad, sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (3813-K). Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Family Takaful Berhad beralamat di Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad (3813-K) dan ibu pejabat terletak di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

